



23 MAR, 2023

30 syarikat di bursa tiada pelaporan ESG lengkap

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

30 syarikat di bursa tiada pelaporan ESG lengkap

KUALA LUMPUR - Global ESG Monitor (GEM) mendedahkan 30 syarikat yang disenaraikan di FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) tidak mempunyai pelaporan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang mendalam serta terperinci, oleh itu, ia menduduki posisi tengah dalam kalangan rakan global dan serantau.

Pengasas Bersama GEM, Michael Diegelmann dalam satu kenyataan berkata, penyertaan FBM KLCI dalam GEM 2022 mencerminkan komitmen negara terhadap ketelusan dan amalan perniagaan yang mampan.

“Dengan skor sederhana secara purata sebanyak 54 daripada 100 mata, indeks Malaysia berada di kedudukan kelima bersama Dow Jones dalam kalangan sepuluh indeks yang ditinjau.

“Ini meletakkan FBM KLCI di hadapan S&P 50 USA (53 mata), ASX 50 (53 mata), WIG 20 (51 mata) dan BET 20 (41 mata),” katanya.

Beliau berkata, mendahului FBM KLCI adalah S&P Asia (56 mata), Hang Seng (57 mata), EUROSTOXX (66 mata) dan DAX (68 mata).

“Kedudukan FBM KLCI mempamerkan kemajuan dalam kemampunan tetapi juga menekankan keperluan untuk pelaporan ESG yang lebih mendalam dan terperinci di Malaysia,” katanya.

GEM berkata, tiga kedudukan teratas untuk ketelusan berdasarkan Pemantauan ESG Global ialah Press Metal Aluminium Holdings Bhd serta Tenaga Nasional Bhd, yang terikat di tempat pertama pada 72 mata, diikuti Petronas Chemicals Group Bhd dengan 71 mata dan RHB Bank Bhd pada 66 mata.

Pengasas Bersama dan Ketua Penyelidikan GEM, Ariane Hofstetter berkata, walaupun syarikat Malaysia cemerlang dalam mematuhi rangka kerja antarabangsa, adalah penting jika mereka menyediakan maklumat yang lebih komprehensif mengenai aspek ESG jika mereka benar-benar mahu melaksanakan langkah kemampunan.

“Kita harus sedar bahawa ketelusan pelaporan ESG adalah penting untuk memaklumkan dan melibatkan pihak berkepentingan.

“Lagipun, pelaporan kelestarian telah diwajibkan bagi semua syarikat senaraian awam Malaysia sejak 2016,” katanya. - Bernama